

# Tolak ansur elak ketegangan Isu agama sensitif: PM

1.1 APR 1990

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menasihatkan pengikut pelbagai agama bukan Islam di negara ini supaya tidak melakukan sebarang tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan antara pengikut agama.

Sebaliknya, beliau berkata, mereka hendaklah berbincang dengan kerajaan jika timbul sebarang salah faham atau kebimbangan mengenai kedudukan agama mereka. Beliau mahu mereka memahami bahawa isu agama sangat sensitif untuk disentuh se-wenang-wenangnya.

Katanya, jika golongan bukan Islam bimbang mengenai agama mereka, masyarakat Islam juga khuatir mengenai kedudukan agama Islam, termasuk pertukaran agama lain di kalangan anak mereka.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar selepas berbincang kira-kira dua jam dengan rombongan 12

wakil majlis perunding Malaysia bagi agama Sikh, Kristian, Buddha dan Hindu Sangam di sini, hari ini.

Menurutnya, majlis itu mengakui bahawa mereka sepatutnya berbincang dengan kerajaan terlebih dulu. Kumpulan itu dikatakan mengumpul tandatangan bagi mendapatkan sokongan orang bukan Islam supaya menentang pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam kerajaan, termasuk pertukaran agama di kalangan anak-anak.

Bagaimanapun, katanya, sebahagian besar masyarakat di negara ini bersikap tolak ansur dan tidak timbul pergeseran antara pengikut pelbagai agama.

"Oleh itu, persefahaman sangat penting supaya kita dapat mengekalkan keharmonian keagamaan di negara ini... mungkin bukan keharmonian yang mutlak, tetapi lebih baik daripada di negara lain yang pengikut pelbagai agamanya bergaduh di antara satu sama lain," katanya.

Mengenai pertukaran agama di kalangan anak-anak berikutan keputusan Mahkamah Tinggi baru-baru ini mengenai hak memeluk Islam bagi bukan Islam, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, mahkamah sudah membuat keputusan berhubung isu berkenaan dan dengan itu, kerajaan tidak berhasrat campur tangan.

"Lebih-lebih lagi, bukan dasar kerajaan untuk memaksa sesiapa pun menukar agama. Ini jelas terbukti dalam rekod kerajaan. Jika mereka menghadapi masalah, mereka boleh membawanya ke mahkamah. Bagaimanapun, mereka gembira dengan keputusan mahkamah itu," katanya.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, "Kerajaan tidak berhasrat mengenakan undang-undang syariah ke atas bukan Islam dan ini banyak kali dibuktikan, misalnya dalam kes khalwat, kita tidak pernah menjatuhkan hukuman ke atas pasangan bukan Islam.

"Oleh itu, tidak ada sebab mereka harus bimbang. Lagipun, walaupun Islam adalah agama rasmi negara ini dan sebahagian besar penduduk beragama Islam, jumlah mereka yang memeluk Islam terlalu sedikit. Kita tidak cergas dalam kegiatan begini, jadi janganlah sesiapa pun bimbang.

"Dalam pada itu, pertukaran kepada agama bukan Islam di kalangan pengikut bukan Islam tetap berlaku," katanya, sambil menyifatkan perbincangan berlangsung dalam suasana baik.

Rombongan berkenaan turut melahirkan masalah penyebaran Islam di universiti, tidak diberi masa secukupnya bagi siaran televisyen dan radio dan dan sekatan terhadap beberapa penerbitan mereka.